

CNS7445

R GB 06-09 001.68 BC884

aab

TIADA MASALAH Mencari YEMIMPIN BAXU, KATA MAHATHIR

Mahathir - Pemimpin

Daripada Ahmad Zukiman Zain

I

JAKARTA, 5 Sept (Bernama) -- 'Malaysia tidak menghadapi masalah mencari para pemimpin bagi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata negara mempunyai empat orang Perdana Menteri sejak merdeka dan proses peralihan itu berjalan secara aman.

+Sistem itu telah berterusan. .. apabila saya bersara, ada orang akan menggantikan tempat saya dan orang lain pula akan menggantikan tempat orang yang menggantikan saya, + kata Dr Mahathir dalam wawancara yang dirakamkan menerusi televisyen swasta d-i sini malam ini.

Perdana Menteri telah ditanya sama ada negara-negara di rantau ini, terutama Malaysia, Singapura dan Indonesia menjangka pemimpin baru yang lahir akan mempunyai ciri-ciri seperti pemimpin sekarang. bagimenjamin pertumbuhan pada masa depan.

Dr Mahathir yang berada di sini kerana menghadiri Persidangan Kemuncak ke-10 Pertgerakan Negara Berkecuali (NAM) berkata bahawa di Malaysia, proses pengambilalihan itu berjalan secara aman. -- Lagi

♥06/09/01-00MST

CNS7447

U GB 06-09 00125 BC885

aab

Mahathir - Pemimpin 2 Jakarta

Dr Mahathir berkata. Malaysia dapat mengekalkan kestabilan politik kerana negara berlaku adil kepada semua kaum.

Kepada soalan lain, beliau berkata Malaysia akan melakukan apa saja se takat yang mampu bagi membantu negara lain.

+Kami telah menawarkan bantuan kepada negara lain di bawah Perjanjian Kerjasama Teknikal Malaysia dan juga Jnenawarkan bantuan kewangan, + kata beliau.

Wartawan yang Jnewawancaranya Ganjar Iyas dari Rajawali Citra Televisi Inonesia (RCTI) bertanya sama ada Malaysia masih sedia membantu negara-negara dunia ketiga memandangkan hakikat negara i tu kini menuju ke arah negara +kelas tertinggi+ dengan pertumbuhan ekonomi di bawah sembilan peratus.

Dr Mahathir berkata : +Tanggungjawab mereka yang mampu ialah membantu mereka yang kurang bernasib baik+. -- Lagi

♥06/09/01-15MST

CNS7448

U GB 06-09 00160 BC886

aab

Mahathir - Pemimpin 3 (Akhir) Jakarta

Perdana Menteri berkata adalah perkara biasa bagi negara-negara yang berjiran walau di mana sahaja di dunia menghadapi masalah tuntutan wilayah tetapi yang penting ialah mempunyai mekanisme bagi menyelesaikan masalah itu

+Dalam konteks ASEAN, kita bersetuju bahawa 'jika menghadapi masalah, kita perlu berunding dan tidak berkonfrontasi,' kata beliau.

Mengenai sama ada isu mengenai Kepulauan Spratlys menjadi masalah bagi kestabilan rantau itu, Dr Mahathir berkata Malaysia berharap masalah itu dapat diselesaikan melalui perundingan.

Berhubung dengan NAM, Dr Mahathir berkata Indonesia, telah sampai ke peringkat penting apabila menjadi pengerusi NAM untuk tempoh tiga tahun akan datang dan yakin ia akan memainkan peranan penting pada masa depan.

Dr Mahathir yang akan pulang esok berkata beliau gembira kerana menghadiri persidangan itu dan melihat kemajuan yang dicapai oleh Indonesia yang bersama pegara-negara Asean yang lain akan menjadikan rantau itu sebagai kuasa dinamik pada kacamata antarabangsa. -- Bernama

▼06/09/01-23MST